

**TINJAUAN AWAL TENTANG KAITAN TEORI DAN  
PENCEGAHAN JENAYAH**

**ABD. HADI ZAKARIA  
Pensyarah  
Jabatan Antropologi & Sosiologi  
Universiti Malaya**

**Kertaskerja Dibentangkan  
Di Seminar Jenayah Di Malaysia  
Di Universiti Malaya  
Hari Sabtu 20hb. Ogos 1988**

Salah satu perkara yang nyata berkenaan dengan masalah jenayah ialah hakikat bahawa ia adalah suatu masalah besar yang berterusan dan sukar diatasi. Masalah ini berlaku walaupun telah banyak kajian dilakukan untuk memahami dan mencari puncanya, mencegahnya dan memulihkan penjenayah-penjenayah yang telah dikenakan hukuman.

Kertaskerja ini cuba menunjukkan bahawa usaha untuk memahami masalah dan tingkahlaku jenayah hendaklah diteruskan walaupun usaha-usaha seperti ini sudah banyak dijalankan. Pada pendapat saya, usaha-usaha ini perlu kerana sekurang-kurangnya 2 sebab utama.

1. pemahaman kita tentang tingkahlaku jenayah yang belum memuaskan, dan
2. perancangan dan penguatkuasaan langkah-langkah pencegahan jenayah yang kurang menyeluruh.

### Memahami Jenayah

Dalam usaha untuk memahami masalah jenayah, berpuluh-puluh bentuk penjelasan telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana, terutamanya di negara-negara Barat. Kini terdapat teori-teori yang berlandaskan ilmu psikologi dan psikiatri, yang berlandaskan kepada ciri-ciri fizikal individu dan, yang paling banyak, teori-teori yang mengaitkan jenayah dengan masyarakat.

Berkenaan dengan hubungan masyarakat dan jenayah, Marvin Wolfgang, Leonard Savitz dan Norman Johnston dalam The Sociology of Crime and Delinquency (1970) telah mensekajarkan tidak kurang dari 23 penjelasan perbuatan jenayah. Dalam buku Theoretical Criminology (1986) pula, George Vold dan Thomas Bernard mengenalpasti 13 kumpulan teori. David Downes dan Paul Rock dalam Understanding Deviance (1982) mensekajarkan 7 kumpulan teori, iaitu teori-teori functionalisma, anomie, kebudayaan dan sub-kebudayaan, interaksi simbolik, phenomenologi, teori kawalan dan kriminologi radikal.

Memandangkan bilangan teori yang begini banyak, kita amat tertarik untuk membuat kesimpulan bahawa kita mempunyai pengetahuan yang lengkap berkenaan dengan perbuatan dan tingkahlaku jenayah. Namun demikian, terdapat 3 masalah yang mendorong saya untuk memutuskan bahawa pengetahuan yang ada sekarang masih belum mencukupi.

- kegiatan jenayah yang masih berleluasa di negara ini,
- kekeliruan dalam penjelasan masalah dan tingkahlaku jenayah, dan
- perselisihan di antara prinsip-prinsip pencegahan jenayah dan penjelasan jenayah yang berpengaruh kini.

Bahawa kegiatan jenayah masih banyak berlaku di negara ini tidak perlu dipersoalkan. Angka-angka jenayah yang dilaporkan yang dikeluarkan oleh Polis Di Raja Malaysia dan angka-angka yang menunjukkan bilangan banduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan hal ini dengan jelas.

Kekeliruan dalam penjelasan masalah dan tingkahlaku jenayah akan kelihatan sekiranya kita meneliti penjelasan-penjelasan yang sedia ada. Kekeliruan ini boleh dikatakan lahir kerana kegagalan ataupun mungkin kerana keenganan pengkaji membezakan 2 aspek pokok berkaitan dengan masalah jenayah. Perkara-perkara ini ialah perbezaan di antara penjelasan bagi persoalan, "Mengapa sesuatu perbuatan itu dianggap jenayah dan perbuatan lain tidak dianggap demikian?" dan penjelasan bagi persoalan, "Mengapa setengah individu melakukan perbuatan jenayah dan menjadi penjenayah dan orang-individu lain tidak?"

Aspek pertama secara kasar merujuk kepada soalan, "Mengapa mesti ada jenayah?" Perbezaannya dengan aspek kedua telah ditimbulkan oleh ahli kriminologi Amerika, Edwin Sutherland, semasa ia menulis berkenaan dengan "White Collar Criminality" dalam tahun 1940, tetapi telah diabaikan oleh pengkaji-pengkaji lain. Dalam tulisan itu, Sutherland telah membezakan 2 jenis penjelasan.

- Mengapa dan bagaimana jenayah kolar putih boleh wujud dalam masyarakat, dan
- Mengapa dan bagaimana individu melakukan jenayah kolar putih;

Bagi Sutherland, persoalan ini merujuk kepada faktor-faktor dalam masyarakat yang boleh melahirkan perbuatan jenayah. Faktor-faktor ini termasuklah kelemahan dan ketiadaan peraturan (Durkheim, 1951; Merton, 1968), percanggahan norma (Sellin, 1938), pertentangan antara kumpulan (Vold, 1958; Quinney, 1970),

kelainan kesempatan dan 'relative deprivation' (Cloward, 1959) dan nilai-nilai sub-kebudayaan (Cohen, 1955; Miller, 1958).

Perbezaan ini diulangi dalam tahun 1959 oleh Clarence Ray Jeffrey dalam "An integrated theory of crime and criminal behaviour," Journal of Criminal Law, Criminology and Police Science, Vol. 49: 533 - 552. Kini aspek ini dianggap sebagai persoalan "the theory of crime" yang menumpukan perhatian kepada institusi-institusi yang mewujudkan, mentafsirkan dan menguatkuasakan peraturan-peraturan yang membenarkan dan menggalakkan satu rangkuman kelakuan dan mengharuskan dan tidak menggalakkan kelakuan lain (e.g. Chambliss, 1974).

Aspek yang kedua ialah berkaitan dengan persoalan tingkahlaku jenayah (criminal behaviour) dan menumpukan perhatian kepada proses bagaimana seseorang individu digerakkan ke arah sesuatu perbuatan jenayah dan bagaimana ia bertindak melakukan perbuatan jenayah itu.

Kini, kedua-dua aspek ini banyak dicampur-adukkan, di mana penjelasan-penjelasan yang lebih mirip kepada "theory of crime" dibincang sebagai penjelasan tingkahlaku jenayah.

Dari kalangan teori-teori yang sedia ada, saya dapati bahawa perbezaan ini diiktiraf dan cuba dijawab dengan serius hanya oleh rangkaian teori kawalan. Ringkasnya, rangkaian teori ini menyatakan bahawa manusia mempunyai propensiti semulajadi untuk melakukan jenayah, tetapi dalam keadaan biasa propensiti ini dibendung oleh peraturan-peraturan dan ikatan-ikatan yang menggalakkan kepatuhan kepada undang-undang. Apabila peraturan

peraturan dan ikatan-ikatan ini terputus atau menjadi lemah, maka individu itu akan bebas untuk melakukan perbuatan jenayah (e.g. Matza, 1964; Hirschi, 1969). Walau bagaimanapun kebebasan bukan bererti individu berkenaan akan terus melakukan perbuatan jenayah secara otomatis (Lofland, 1969; Box, 1971). Sama ada individu itu mengubah kebebasannya kepada pelanggaran tertakluk kepada bagaimana ia menggunakan faktor-faktor kemudahan jenayah, iaitu kerahsiaan, kemahiran, bekalan dan sokongan sosial dan simbolik.

Sekali imbas, kedua-dua persoalan ini nampaknya hampir sama, dan memang diakui terdapat pertindihan di antara mereka. Tetapi kalau diteliti mereka menekankan masalah yang berbeza. Saya berpendapat bahawa kegagalan para pengkaji untuk mengiktiraf dan membezakan kedua-dua persoalan ini adalah salah satu faktor utama yang melemahkan pemahaman kita tentang kelakuan dan masalah jenayah.

Masalah perselisihan di antara penjelasan dan pencegahan boleh dilihat apabila kita membandingi aliran-aliran pemikiran yang menjadi landasan kepada kedua-dua usaha ini.

Kebanyakan penjelasan tentang tingkahlaku jenayah yang berpengaruh sekarang ini adalah dipengaruhi kuat oleh aliran kriminologi positif yang dipelopori oleh Cesare Lombroso (1835-1909), Raffaele Garofalo (1852 - 1934) dan Enrico Ferri (1856-1929). Secara ringkas, aliran ini berpegang kepada pendapat bahawa tingkahlaku manusia ditentukan oleh kuasa-kuasa yang berada di luar dari kawalannya. Oleh itu apabila seseorang

individu melakukan sesuatu perbuatan jenayah, perbuatan itu bukan dilakukan dengan kerelaan hatinya. Sebaliknya aliran ini percaya bahawa individu itu didesak dan ditekan supaya melakukan perbuatan itu oleh faktor-faktor tertentu yang ia sendiri tidak dapat kawal.

Usaha-usaha pencegahan dan pemulihan kini pula banyak berlandaskan aliran kriminologi "classical" yang dipopularkan oleh Cesare Beccaria (1738 - 1794) dan Jeremy Bentham (1748-1832). Aliran ini berpegang kepada pendapat bahawa manusia adalah hedonistik, tetapi rasional. Oleh itu, dalam mengambil sesuatu tindakan, manusia akan mempertimbangkan baik-buruk dan untung-rugi yang bakal diperolehinya dari tindakan itu. Sekiranya ia berpendapat bahawa kebaikan dan keuntungan yang bakal diperolehinya adalah lebih banyak dari keburukan dan kerugian, maka ia akan melakukan perbuatan itu.

Usaha-usaha pencegahan sekarang ini banyak berlandaskan kepada deraan (retribution) dan ancaman deraan (deterrence) supaya penjenayah dan bakal penjenayah akan sedar dan terima hakikat bahawa perbuatan jenayah yang bakal ia lakukan akan mendatangkan lebih banyak keburukan dan kerugian dari kebaikan dan keuntungan. Kaedah-kaedah pemulihan yang dilakukan dalam penjara kini juga banyak bertujuan untuk menyedarkan banduan bahawa kepatuhan kepada undang-undang adalah lebih baik dari perbuatan jenayah.

Seolah-olah sebagai reaksi kepada perselisihan inilah yang munculnya satu aliran baru yang dipanggil oleh Jock Young (1987)

sebagai "administrative criminology" yang dipelopori oleh sarjana-sarjana seperti Paul Tagaki, James Q. Wilson di Amerika Syarikat, dan oleh Ron Clarke di England. Mereka menepi sama sekali soal-soal sebab-sebab berlakunya jenayah dan soal mengapa manusia melakukan perbuatan jenayah; yakin bahawa tingkahlaku jenayah adalah satu pilihan yang dibuat secara rasional; dan mengutamakan "deterrence" dalam mencegah jenayah. Oleh itu dalam mengesyorkan langkah-langkah pencegahan, mereka menitikberatkan "target hardening" dan memperketatkan penguatkuasaan undang-undang untuk menambah kemungkinan seseorang penjenayah itu tertangkap.

### Pencegahan Jenayah

Kita akui bahawa berbagai langkah pencegahan jenayah sedang dijalankan. Kita akui juga langkah-langkah ini tidak gagal dalam mengawal kegiatan jenayah. Di sini kita mahu menegaskan bahawa langkah-langkah ini boleh diperbaiki dan dijadikan lebih menyeluruh sekiranya pengetahuan kita tentang jenayah dan tingkahlaku jenayah lebih lengkap dan tersusun.

Langkah-langkah pencegahan yang ada sekarang banyak merupakan langkah-langkah di peringkat "tertiary", iaitu yang dilakukan setelah sesuatu kes jenayah dilaporkan dan ditujukan kepada penjenayah-penjenayah yang sudah ditangkap dan tujuannya utamanya ialah untuk mencegah penjenayah-penjenayah ini dari melakukan jenayah ulangan. Sebenarnya langkah-langkah ini tertumpu kepada golongan kecil penjenayah yang "malang". Dengan



sendirinya penjenayah-penjenayah yang tidak ditangkap tidak dikenakan tindakan. Begitu juga bakal penjenayah atau orang-orang lain yang mempunyai kecenderungan jenayah tidak terjejas oleh pencegahan "tertiary", melainkan sekiranya hukuman mempunyai kesan "general deterrence".

Kelemahan utama dalam pencegahan "tertiary" ialah ia tertumpu kepada bilangan penjenayah yang kecil dan yang ditangkap dan dilakukan selepas perbuatan jenayah dilakukan. Dan, bilangan penjenayah yang ditangkap adalah jauh lebih kecil dari bilangan penjenayah yang tidak ditangkap. Ini adalah kerana 2 sebab utama.

Pertama, penjenayah yang ditangkap adalah penjenayah yang diketahui, dan ini banyak bergantung kepada sama ada perbuatan jenayah itu dilaporkan atau tidak. Adalah menjadi pengetahuan am di kalangan ahli-ahli kriminologi bahawa bilangan jenayah yang tidak dilaporkan, secara amnya, adalah lebih banyak dari jenayah yang dilaporkan. Ahli-ahli kriminologi mempersetujui bahawa secara purata kadar jenayah yang dilaporkan adalah lebih kurang 25% dari jumlah sebenar (e.g. Hood and Sparks, 1970). Tetapi diakui juga bahawa kadar ini berbeza mengikut jenis jenayah, kerugian atau kerosakan yang dialami oleh mangsa serta hubungan/pertalian di antara mangsa dan penjenayah. Maka kadar laporan bagi jenayah yang tidak mempunyai mangsa, seperti pemilikan dadah dan "self-administration" dadah, atau yang dilakukan atas dasar suka-samarnya, seperti pengguguran anak, persetubuhan haram dengan gadis di bawah umur (carnal knowledge) dan rasuah, adalah rendah, walaupun peratusan sebenarnya tidak dapat ditentukan.

Kadar laporan bagi jenayah yang mengakibatkan kerugian/kerosakan besar, seperti merompak, membunuh dan menculik untuk mendapatkan wang tebusan, adalah lebih tinggi. Tetapi peratusan sebenarnya juga tidak dapat ditentukan.

Kedua, tidak semua kes yang dilaporkan kepada polis akan disiasati, tidak semua siasatan akan berakhir dengan tangkapan dan tidak semua orang yang ditangkap akan dihadapkan ke mahkamah. Pihak polis mempunyai kuasa budibicara yang meluas untuk bertindak ke atas sesuatu laporan jenayah. Satu kajian yang dijalankan oleh Wendy Chung Sook Meng, A Study of the Discretionary Aspects of Police Investigative Powers, Kertas Projek, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, 1977, menunjukkan bahawa di antara tahun-tahun 1968 - 1976, tidak lebih dari 19.5% dan tidak kurang dari 9.4% daripada jumlah laporan telah disiasat oleh polis (1977: 35).

Kalau jumlah siasatan begini rendah, sudah tentu bilangan penjenayah yang tangkap, dihadapkan ke mahkamah dan seterusnya didapati bersalah dan dihukum adalah lebih rendah. Jadi, bilangan pesalah yang dihukum dan dimasukkan ke penjara hanyalah segelintir dari bilangan sebenar penjenayah.

Kekurangan langkah-langkah pencegahan yang ditujukan ke arah bakal penjenayah adalah amat ketara. Ini tidak menghairankan kerana langkah-langkah ini melibatkan sekurang-kurangnya 3 perkara:

- ramalan tentang jenayah yang bakal dilakukan;
- mengenalpasti individu-individu dan tempat/kawasan yang

mungkin menjadi penjenayah dan tapak jenayah; dan

- setelah perkara-perkara 1 dan 2 di atas dilakukan, mengadakan langkah-langkah 'proaktif' (Brantingham and Faust, 1976; Leitenberg, 1987; Lindgren, 1987).

Saya kurang pasti kalau kita sudah mempunyai kepakaran yang cukup untuk melakukan perkara-perkara ini.

#### Kesimpulan

Ide yang tersirat dalam kertaskerja ini ialah bahawa kita memerlukan pengetahuan yang mendalam dan tepat berkenaan dengan jenayah dan tingkahlaku jenayah. Dengan adanya pengetahuan yang lengkap, barulah usaha-usaha pencegahan dan pemulihan dapat dirancang dan dijalankan dengan lebih berkesan.

Rujukan:

- Steven Box (1971),  
Deviance, Reality and Society, London: Macmillan.
- Paul J. Brantingham & Frederic L. Faust (1976)  
"A Conceptual Model of Crime Prevention" dlm. Crime and Delinquency, Vol. 22, pp. 284-296.
- Wendy Chung Sook Meng  
A Study of the Discretionary Aspects of Police Investigative Powers (tidak tercetak), Kertas Projek Undang-Undang, Universiti Malaya, 1977.
- Richard A. Cloward (1959)  
Illegitimate Means, Anomie and Deviant Behaviour, American Sociological Review, Vol. 24: 164-176.
- Albert K. Cohen (1955)  
The Delinquent Boys: The Lecture of the Gang, New York Free Press.
- Emile Durkheim  
Suicide, terjemahan John Spalding and George Simpson, New York Free Press, 1951.
- Travis Hirschi (1969)  
Causes of Delinquency, Berkeley: University of California Press.
- Roger Hood & Richard Sparks (1970)  
Key Issues in Criminology.
- Harold Leitenberg (1987)  
"Primary Prevention of Delinquency" dalam John D. Buchard & Sara N. Buchard (eds.), Prevention of Criminal Behavior, Beverly Hills, Sage, 312-330.
- Jay G. Lindgren (1987)  
"Social Policy and the Prevention of Delinquency", dalam Buchard & Buchard (eds.), 332-351.
- John Lofland (1969)  
Deviance and Identity, Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- David Matza (1964)  
Delinquency and Drift, New York: John Wiley.

Robert Merton  
Social Theory and Social Structure, New York Free Press.

Walter B. Miller (1958)  
"Lower Class Culture as a Generating Milieu of Gang  
Delinquency" in Journal of Social Issues, Vol. 14: 5-19.

Richard Quinney (1970)  
The Social Reality of Crime, Boston: Little Brown.

Thorton Sellin (1938)  
Culture Conflict and Crime, New York, Social Science  
Research Council.

Edwin Sutherland (1940)  
"White Collar Criminality", American Sociological Review,  
Vol. 5, 1-12.

John Young (1986)  
"The Failure of Criminology" in Roger Matthews & Jock Young  
(eds.), Confronting Crime, London: SAGE.

George B. Vold (1958)  
Theoretical Criminology, New York, Oxford University Press.